

HARI KELUARGA NO 20 SKN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2515-hari-keluarga-no-20-skn

PORT DICKSON, 1 Okt 17 - No 20 Skuadron Pangkalan Udara Subang telah menganjurkan majlis hari keluarga yang bertempat di Port Dickson. Majlis ini dianjurkan bagi mengeratkan silaturrahim dikalangan Warga Skuadron tanpa mengira pangkat atau jawatan serta menghilangkan tekanan ditempat kerja dengan cara beriadah bersama keluarga.

Pada majlis tersebut pelbagai aktiviti telah dijalankan melibatkan anak-anak anggota dalam acara sukaneka, acara sukan bagi pasangan suami isteri dan pertandingan tarik tali yang melibatkan kumpulan *Pilot*, *Co-pilot*, *Air Quatermaster* dan *Groundcrew*. Majlis juga telah diselang-selikan dengan aktiviti cabutan bertuah dan karaoke bersama pasangan dan karaoke kanak-kanak. Majlis hari keluarga tersebut telah diketuai dan dikelola oleh Kapt Ruzanna binti Md Nasir TUDM.



